



**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA**

**PENGENDALIAN TENTUKURAN PERALATAN
JBPM/PS/22**

Disediakan Oleh:

.....
PKPjB Haji Zamri Bin Che Din
Pengarah JBPM Negeri
Selangor

Tarikh : 31.03.2016

Diluluskan Oleh:

.....
Dato' Hj. Soiman bin Jahid
Timbalan Ketua Pengarah
(Operasi)

Tarikh : 18.07.2016

NO. KELUARAN/PINDAAN:03

TARIKH: 18.07.2016

SALINAN TERKAWAL



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PENGENDALIAN TENTUKURAN PERALATAN JBPM/PS/22

MUKA SURAT : 2 | 8
TARIKH : 18.07.2016

REKOD PINDAAN

BIL.	KELUARAN / PINDAAN	TARIKH	BAHAGIAN / MUKA SURAT	KETERANGAN RINGKAS PINDAAN
1.	02	18.05.2010	Keseluruhan prosedur JBPM/PS/22	Pindaan dibuat adalah berdasarkan kepada penstrukturan baru Jabatan.
2.	03	31.03.2016	Keseluruhan Prosedur JBPM/PS/22	Pindaan dibuat bagi menambahbaik prosedur dan pindaan format dokumen kualiti Jabatan.



1. OBJEKTIF

Untuk menerangkan proses pengendalian tentukuran peralatan yang perlu dibuat penentukuran di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan dilakukan dengan berkesan serta memastikannya tepat, boleh digunakan dan selamat.

2. SKOP

Prosedur ini diamalkan dan digunapakai di semua Bahagian-Bahagian Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi menjalankan kerja-kerja pengendalian tentukuran peralatan milik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

3. RUJUKAN

- 3.1 JBPM/PS/24 Pengurusan Aset Alih Kerajaan
- 3.2 Manual Peralatan (berkaitan)

4. DEFINISI

- 4.1 **Penentukuran** adalah proses membandingkan dan membetulkan keluaran sesuatu instrumen dengan nilai piawai atau proses membangingkan antara nilai keluaran peralatan yang hendak diuji dengan peralatan yang telah diketahui ketepatannya.
- 4.2 **Verifikasi** adalah proses untuk memeriksa sesuatu alat lulus atau tidak dibandingkan dengan spesifikasi alat tersebut.
- 4.3 **Keselamatan nyawa** merujuk kepada keselamatan nyawa pegawai bomba dan mangsa
- 4.4 **Operasi Kebombaan** bermakna apa-apa insiden kecemasan yang dihadiri oleh pegawai bomba
- 4.5 **Pembekal bertaualiah** adalah pembekal yang dilantik oleh Jabatan dan berupaya melaksanakan tentukuran.

5. SINGKATAN

- 5.1 PTJ - Pusat Tanggungjawab
- 5.2 KP - Ketua Pengarah
- 5.3 PBN - Pengarah Bomba Negeri
- 5.4 JKT - Jawatankuasa Tentukur
- 5.5 PYB - Pegawai yang bertanggungjawab melaksanakan penentukuran dan verifikasi peralatan berkaitan

**6. TINDAKAN DAN TANGGUNGJAWAB**

BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
6.1	Pelantikan dan Tanggungjawab JKT	
	6.1.1 Pelantikan dan Tanggungjawab Jawatankuasa Tentukur di setiap PTJ yang terdiri daripada Pengerusi, Setiausaha dan ahli-ahli mengikut terma rujukan berikut; i. Merancang dan mendapatkan keperluan peruntukan kewangan yang mencukupi bagi proses kalibrasi peralatan di PTJ. ii. Merancang dan menyediakan keperluan latihan penentukuran peralatan kepada staf. iii. Mengenal pasti peralatan, kekerapan dan tarikh yang perlu ditentukur dan lengkapkan Senarai Peralatan Tentukur (Lampiran 1). iv. Menjalankan kerja-kerja pemantauan sekurang-kurangnya 1 kali setahun ke atas peralatan yang perlu ditentukur. v. Memantau rekod kualiti bagi fail penentukuran dan verifikasi peralatan supaya sentiasa dikemaskini. vi. Mengadakan mesyuarat / perbincangan selepas kerja-kerja pemantauan dan dilaporkan dalam Mesyuarat Pengurusan PTJ untuk pengesahan peralatan ditentukur dan kelulusan peruntukan.	KP/PBN
	6.1.2 KP/PBN perlu mengeluarkan Surat Lantikan Jawatankuasa Tentukur mengikut tempoh yang bersesuaian.	KP/PBN
6.2	Kenal Pasti Peralatan Untuk Ditentukur	
	6.2.1 Kenal pasti peralatan, kekerapan dan tarikh yang perlu ditentukur dan rekodkan ke dalam Senarai Peralatan Tentukur (Lampiran 2).	JKT



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PENGENDALIAN TENTUKURAN PERALATAN JBPM/PS/22

MUKA SURAT : 5 | 8

TARIKH : 18.07.2016

BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
	6.2.2 Penentuan peralatan untuk ditentukan adalah berdasarkan kepada peralatan yang boleh memberi kesan kepada keselamatan nyawa dan menjejaskan keberkesanan operasi kebombaan.	JKT
	6.2.3 Kekerapan tentukur adalah berdasarkan manual peralatan.	JKT
6.3	Tempoh Tentukuran Tamat?	
	6.3.1 Jika ya, labelkan pada alatan yang tempoh tentukurannya telah tamat sebagai 'PERLU TENTUKURAN SEMULA' supaya alatan tidak digunakan untuk kerja atau semasa operasi kebombaan. Ikuti langkah 6.4.	PYB
	6.3.2 Jika tidak, boleh menggunakan peralatan dan proses tamat.	PYB
6.4	Laksana Penentukuran	
	6.4.1 Jika peralatan masih dalam jaminan / kontrak, serah peralatan kepada syarikat berkenaan, lengkapkan Borang Kebenaran Pelepasan Peralatan (Lampiran 3) dan rekodkan dalam Borang Rekod Tentukuran (Lampiran 4)	PYB
	6.4.2 Jika peralatan telah tamat jaminan / kontrak, dapatkan sebut harga / tender daripada pembekal bertaualiah daripada senarai PTJ dan pilih pembekal.	PYB
	6.4.3 Serah peralatan kepada pembekal bertaualiah yang telah dipilih dan lengkapkan Borang Kebenaran Pelepasan Peralatan (Lampiran 3) dan rekodkan dalam Borang Rekod Tentukuran (Lampiran 4).	PYB
6.5	Terima Kembali Peralatan dan Sah Penerimaan	
	6.5.1 Terima kembali peralatan, laporan hasil penentukuran peralatan, sijil penentukuran dari pembekal bertaualiah dan buat	PYB

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA****PENGENDALIAN TENTUKURAN
PERALATAN JBPM/PS/22**

MUKA SURAT : 6 | 8

TARIKH : 18.07.2016

BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
	pengesahan penerimaan ke atas peralatan yang telah ditentukan menggunakan Borang Rekod Tentukuran (Lampiran 4) dengan merujuk kepada Sijil Tentukuran tersebut.	
	6.5.2 Lengkapkan rekod pengesahan penerimaan peralatan di dalam Borang Kebenaran Pelepasan Peralatan (Lampiran 3).	PYB
6.6	Laksana Verifikasi	
	6.6.1 Laksanakan verifikasi terhadap peralatan yang telah ditentukan dengan menggunakan manual berkaitan oleh pegawai bertanggungjawab serta rekodkan dalam Borang Rekod Tentukuran (Lampiran 4) dan Borang Laporan Verifikasi (Lampiran 5).	PYB
6.7	Memuaskan?	
	6.7.1 Jika ya, labelkan dengan pelekat 'LULUS'. Pamerkan salinan Sijil Tentukuran pada atau berhampiran peralatan yang berkenaan atau di tempat yang mudah dirujuk. Ikut langkah 6.12.	PYB
	6.7.2 Jika tidak, ikut langkah 6.8.	
6.8	Penentukuran Semula?	
	6.8.1 Jika ya, kembalikan peralatan kepada penentukur untuk penentukuran semula. Ikut langkah 6.4.	PYB
6.9	Lupus Peralatan	
	6.9.1 Lupuskan peralatan yang tidak dapat dibaiki lagi atau tidak ekonomi untuk diperbaiki. Rujuk JBPM/PS/24 - Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan.	PYB
6.10	Rekod	
	6.10.1 Setiap aktiviti penentukuran perlu direkodkan.	PYB



7. REKOD KUALITI


Bil.	Jenis Rekod	Lokasi	Tempoh Penyimpanan
7.1	Senarai Peralatan Tentukur	Ibu Pejabat Induk / Negeri	5 Tahun
7.2	Borang Kebenaran Pelepasan Peralatan	Ibu Pejabat Induk / Negeri	5 Tahun
7.3	Borang Rekod Tentukuran	Ibu Pejabat Induk / Negeri	5 Tahun
7.4	Borang Laporan Verifikasi	Ibu Pejabat Induk / Negeri	5 Tahun



8. LAMPIRAN

8.1 Carta Alir	Lampiran 1
8.2 Senarai Peralatan Tentukur	Lampiran 2
8.3 Borang Kebenaran Pelepasan Peralatan	Lampiran 3
8.4 Borang Rekod Tentukuran	Lampiran 4
8.5 Borang Laporan Verifikasi	Lampiran 5

CARTA ALIR
PENGENDALIAN TENTUKURAN PERALATAN





SENARAI PERALATAN TENTUKUR

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

BIL	NAMA PERALATAN	NO.SIRI PERALATAN	PENEMPATAN PERALATAN	TARIKH AKHIR DIBUAT PENENTUKURAN	TARIKH PENENTUKURAN SEMULA	CATATAN

Panduan:

1. Penentuan peralatan untuk ditentukan adalah berdasarkan kepada peralatan yang boleh **memberi kesan kepada keselamatan nyawa** dan **menjejaskan keberkesanan operasi kebombaan**.



BORANG KEBENARAN PELEPASAN PERALATAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

Tarikh :

TUJUAN PELEPASAN PERALATAN*
☐

Untuk ditentukur

☐

Penentukuran Semula

☐

Lain-lain. Sila nyatakan:

*Tandakan (✓) pada kotak berkaitan

PERIHAL PERALATAN

Nama Peralatan :	
Nama Model :	
No. Siri Peralatan :	
Tarikh Akhir Tentukuran :	

Maklumat Penyerah
Nama :
Jawatan :
Tarikh :
T/tangan :
Cop :

Maklumat Penerima
Nama :
Jawatan :
Tarikh :
T/tangan :
Cop :

PEMULANGAN PERALATAN

Dengan ini dikembalikan peralatan yang telah dibuat penentukuran.

Maklumat Penyerah
Nama :
Jawatan :
Tarikh :
T/tangan :
Cop :

Maklumat Penerima
Nama :
Jawatan :
Tarikh :
T/tangan :
Cop :

[illegible]



BORANG LAPORAN VERIFIKASI

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PERIHAL PERALATAN

Nama Peralatan	:	
Nama Model	:	
No. Siri Peralatan	:	
Tarikh Akhir Tentukuran	:	

RUJUKAN MANUAL PERALATAN

Nama Rujukan	:	
--------------	---	--

PERIHAL VERIFIKASI

Tarikh Verifikasi	:	
Nama Pegawai Verifikasi	:	
Lokasi Verifikasi	:	
Ulasan Verifikasi (oleh Pegawai Verifikasi)	:	

Maklumat Pegawai Verifikasi

Nama :
 Jawatan :
 Tarikh :
 T/tangan :